



SIARAN MEDIA

MBOT WOMAN TECHNOLOGIST CHAPTER – WADAH MARTABATKAN TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK WANITA

JUMAAT, 04 NOVEMBER 2022

KUALA LUMPUR, 04 November 2022 – Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) mengumumkan inisiatif terbaru dengan menubuhkan Woman Technologist Chapter (WTC) bagi mempergiatkan penglibatan Teknologis dan Juruteknik Profesional kalangan kaum wanita.

Presidennya, Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir berkata, sebagai wanita yang berkerjaya, mereka haruslah menonjolkan nilai serta potensi diri agar dapat berdaya saing dalam mendepani dunia yang penuh dengan cabaran dan kecanggihan teknologi masa kini.

“Kita juga harus menyetengahkan profesional-profesional wanita bukan sahaja di peringkat utama, malah di peringkat pengurusan dan pertengahan. Program seperti hari ini juga merupakan suatu platform yang baik untuk kita sama-sama membina dan memperkukuhkan jaringan professional kita”, kata beliau dalam ucapannya pada sesi MBOT Red LIPS Hi-Tea di Ampang dekat Kuala Lumpur, hari ini.

Tambah beliau, “kita telah melihat kehebatan wanita dalam menerajui organisasi-organisasi terkemuka seperti Datin Lim Bee Wah, selaku Pengurus Besar Kumpulan Small, Medium and Corporate (SMC), Microsoft Malaysia dan Raja Azrina Raja Othman, sebagai Chief Information Security Officer, Telekom Malaysia. Kita sememangnya mempunyai kaum hawa yang *prominent* dan hebat dalam memacu negara kearah ekonomi mampan dan perkembangan teknologi.”

“Dapatan MBOT menunjukkan bahawa masih terdapat jurang perbezaan yang besar daripada segi pengiktirafan profesional, di mana sehingga Oktober 2023 hanya seramai 3,739 (22%) pengiktirafan teknologis profesional dan 128 (7%) juruteknik bertauliah adalah dari kalangan wanita,” katanya.

Sehubungan dengan itu, Pengerusi Jawatankuasa Woman Technologist Chapter, Ts Sharifah Zaida Nurlisha Syed Ibrahim pula berkata, penubuhan WTC adalah satu inisiatif MBOT bagi meningkatkan keteserlahan serta penglibatan wanita dalam bidang teknologi dan teknikal.

Kata beliau, matlamat WTC adalah bagi memberi sokongan kepada profesional wanita dalam mencapai potensi diri agar lebih berdaya saing dalam mencapai keseimbangan profesion dan kehidupan harian agar lebih dinamik dalam mendepani cabaran wanita-wanita dalam kerjaya, peribadi dan masyarakat.

“Saya juga berharap agar inisiatif ini menjadi platform bagi teknologis-teknologis wanita membina rangkaian untuk meningkatkan lagi keteserlahan mereka dalam profesion ini,” tambah beliau.

“Bagi mendokong misi dan visi MBOT serta merealisasikan inisiatif WTC, Jawatankuasa juga secara proaktif telah menggariskan pelbagai program untuk mendayaupayakan WTC, antaranya Jelajah Jerayawara Teknologis Wanita; *Women in Tech Mentor Mentee Program* dan libat urus dengan pemegang taruh berkaitan,” kata beliau.

MBOT Red LIPS Hi-Tea merupakan program eksklusif anjuran MBOT bersempena penubuhan WTC bagi mengumpulkan barisan wanita-wanita dalam profesion ini. Program yang berlangsung di Boat House Ampang ini mengetengahkan figura-figura wanita profesional yang terkemuka sebagai panelis bagi membincangkan isu-isu semasa yang dihadapi oleh profesional wanita selain mewujudkan jaringan dalam kalangan profesion wanita dalam bidang teknologi dan juruteknik. Antaranya, Aireen Omar, Presiden Air Asia Digital; Puan Sri Ts. Dr. Mahaletchumy Arujan, Pengasas Global International Service for the Acquisition of Agribiotechnology Applications (ISAAA) dan Ts. Norhasita binti Mohd Yusof, Pengurus Besar Telekom Malaysia.

Dalam majlis ini juga, MBOT turut mengumumkan perancangan untuk memberikan penganugerahan *Women in Technology and Technical Leadership Award*, yang julung kali diperkenalkan bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan wanita dalam profesion Teknologis dan Juruteknik. Pencalonan adalah daripada kalangan Teknologis dan Juruteknik wanita yang telah menyumbangkan banyak jasa dalam pembangunan kemajuan industri teknologi dan teknikal.

Anugerah ini akan diumumkan semasa Majlis Apresiasi Teknologis dan Juruteknik pada tahun hadapan.

-TAMAT-

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf, mengawal, menggalak dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)
E-mel: s.salsabila@mbot.org.my
+603-8800 6268/+6017-317 0613